

News: Utusan Borneo

Date: 12 May 2010

Language: Malay

Subject: Arts

Page: A8

Yussof Mahal sumbang RM15,000 untuk UMS-KAL

LABUAN: Ahli Parlimen Labuan, Datuk Yussof Mahal menyerahkan sumbangan sebanyak RM15,000 untuk lima persatuan kebudayaan di Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL).

Peruntukan itu akan digunakan oleh lima persatuan kebudayaan iaitu Melayu, Cina, India, etnik Sabah dan etnik Sarawak yang terdapat di universiti berkenaan.

Yussof berkata sumbangan itu sebagai tanda sokongan beliau terhadap aktiviti kemahasiswaan termasuk kebudayaan yang mampu menyatupadukan pelajar berbilang kaum di negara ini selaras dengan gagasan 1Malaysia.

Pada masa sama, beliau yakin perpaduan dan persefahaman akan dapat diwujudkan melalui aktiviti kebudayaan yang menampilkan adat dan budaya masyarakat Melayu, Cina, India, Sabah dan Sarawak.

“Aktiviti kebudayaan diyakini mampu menyatupadukan pelajar berbilang kaum termasuk institusi pengajian tinggi awam (IPTA) di negara ini,” katanya selepas menyerahkan sumbangan itu kepada Pengarah UMS-KAL, Prof Madya Dr Shariff Abdul Kadir Omang Al-Haj di pejabatnya, di sini, kelmarin.

Katanya, sumbangan itu

sebagai tanda keprihatinan beliau sebagai wakil rakyat Barisan Nasional (BN) yang sentiasa mahu melihat pelajar IPTA bergiat aktif dalam pelbagai bidang termasuk kebudayaan.

Selain itu, Yussof yakin kebudayaan masyarakat berbilang kaum akan mempopularkan lagi UMS-KAL sebagai IPTA yang memiliki pelajar yang mampu menyajikan aktiviti kebudayaan untuk dikenali kaum lain.